

15 DEC 1997

Sidang-Dollar

ASEAN KAJI IMPLIKASI EURO DAN YEN SEBAGAI MATA WANG ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asia Timur telah meminta pegawai-pegawai kewangan mereka untuk mengkaji implikasi mempunyai Euro dan Yen Jepun sebagai mata wang antarabangsa di rantau ini, selain daripada dolar Amerika Syarikat.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu pemberita selepas mempengerusikan sidang kemuncak Asean Campur 3 di sini bahawa para pemimpin itu berpendapat adalah lebih baik untuk mempunyai lebih daripada satu mata wang antarabangsa di rantau ini.

"Kami ada membincangkan mengenai kepentingan dolar Amerika dalam urusan antarabangsa," katanya selepas mesyuarat itu yang dihadiri oleh para pemimpin negara-negara anggota Asean, China, Jepun dan Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu berpendapat rantau ini tidak harus mempunyai satu mata wang antarabangsa sahaja.

Bagaimanapun, tiada rumusan atau keputusan dibuat semasa mesyuarat itu kecuali meminta menteri-menteri kewangan mereka mengkaji implikasi mempunyai mata wang lain sebagai mata wang bagi rantau ini.

Ketika ditanya apakah kesan ke atas negara-negara Asia Tenggara jika Euro diperkenalkan pada 1999, Dr Mahathir berkata: "Perkara itu perlu dikaji dengan terperinci. Kita tahu sedikit sahaja mengenai Euro, oleh itu kita mahukan ahli-ahli ekonomi dan akademik mengkaji dengan serius bagaimana ia boleh memberi kesan kepada kita."

Mesyuarat itu juga mengakui keperluan membantu bank-bank Asean terus membesar di negara-negara Asia Timur untuk bersaing dengan bank-bank lain di dunia.

Dr Mahathir berkata kebanyakan bank Asia Timur ialah bank yang kecil dan keupayaan mereka untuk berkembang adalah sangat terhad.

"Walaupun jika mereka bergabung, bank-bank itu tidak akan berada di dalam kelas yang sama dengan bank-bank besar apabila WTO (Pertubuhan Perdagangan Dunia) membuka sektor kewangan," katanya.

Sehubungan itu, Asean Campur 3 melihat keperluan membentuk satu kerjasama antara bank-bank di rantau ini bagi meningkatkan kekuatan kewangan bank-bank pusat.

"Kita telah meminta menteri-menteri kewangan supaya mengkaji kerjasama ini," kata beliau. -- BERNAMA

AA SHO NAK